

UM 2 1 JUN 2001
Dr. Mahathir
sampaikan
anugerah
Venture 2001

KUALA LUMPUR 20 Jun
– Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan menyampaikan anugerah-anugerah yang menjadi rebutan ramai kepada 10 rancangan perniagaan terbaik Malaysia yang telah dipilih menerusi pertandingan Venture 2001.

Anugerah-anugerah tersebut akan disampaikan di sebuah majlis penyampaian anugerah yang akan diadakan di Hotel Istana pada 28 Jun 2001, menurut satu kenyataan yang dikeluarkan hari ini.

Perdana Menteri ialah penaung Venture 2001, iaitu satu bentuk pertandingan rancangan perniagaan Malaysia yang pertama dan telah menerima sebanyak 447 rancangan perniagaan di dalam sektor teknologi maklumat (IT), Internet dan e-niaga.

Pertandingan sebanyak tiga fasa itu telah bermula pada 7 November 2000 dan berakhir pada 25 Mei 2001.

Tiga pemenang utama akan menerima anugerah dan hadiah wang tunai sebanyak RM30,000, RM20,000 dan RM10,000, manakala tujuh pemenang lain akan menerima RM5,000 setiap satu.